



جباٰن کحاکین شرعيه مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : mukhyuddin@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 4 (26)
Takwim : 23 Rabi'ul Akhir 1440H
Tarikh : 31 Disember 2018

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri.

ARAHAN AMALAN NO. 4 TAHUN 2018

Penyerahan Notis Rayuan Dan/Atau Petisyen Rayuan Bagi Perayu Yang Di Tahan Di Pusat Tahanan Selain Penjara

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2018 pada 13 Rabi'ul Awal hingga 15 Rabi'ul Awal 1440H bersamaan 21 November hingga 23 November 2018 di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Wilayah Persekutuan Putrajaya telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung penyerahan notis rayuan dan/atau petisyen rayuan bagi perayu yang ditahan di pusat tahanan selain penjara, dia hendaklah disifatkan telah mematuhi kehendak seksyen 153 dan 155 Akta/Enakmen/Ordinan Tatacara Jenayah jika dalam masa yang ditetapkan oleh seksyen-seksyen itu dia memberi pegawai yang menjaga pusat tahanan itu notis rayuan sama ada secara lisan atau bertulis dan butir-butir yang dikehendaki dimasukkan dalam notis rayuan dan/atau petisyen rayuan.


2. Pegawai yang menjaga pusat tahanan hendaklah dengan seberapa segera memfailkan notis rayuan dan/atau petisyen rayuan tersebut ke mahkamah yang berkenaan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
REF ID: AP 0006

PRA PERBICARAAN

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.



(DATO' HAJI MUKHYUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA